

Berkenaan dengan unjuran penggunaan sumber, data daripada Suruhanjaya Tenaga menunjukkan bahawa penggunaan elektrik sebenar bagi pusat data seluruh negara setakat Jun 2025 adalah sebanyak 603 megawatt berbanding dengan *maximum demand* yang diisytiharkan iaitu sebanyak 1,276 megawatt mencatatkan peratusan penggunaan kira-kira 47 peratus dari *maximum demand* yang diisytiharkan.

Demi kestabilan sistem pembekalan tenaga keseluruhan, sasaran adalah untuk mencapai 85 peratus dari *maximum demand*. Suruhanjaya Tenaga turut melaksanakan analisa keperluan tenaga pusat seperti komitmen pelanggan akhir dan penggunaan tenaga sebenar dan mendapati bahawa terdapat kebarangkalian permohonan yang berbentuk spekulatif. Unjuran kapasiti tenaga telah dikemas kini dengan mengambil kira anggaran tersebut bagi mengurangkan risiko aset tenaga tidak diguna pakai atau *stranded asset* dan pengalihan kos kepada pengguna lain.

DR. 5.11.2025

22

Suruhanjaya Tenaga juga telah melaksanakan proses *request for information* (RFI) bagi mengumpul maklumat terperinci daripada pusat data untuk tujuan perancangan bekalan elektrik yang lebih cekap dan berkesan. Dalam aspek penggunaan air, data dari operator air negeri Selangor yang juga membekalkan air kepada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya dan Johor menunjukkan bahawa penggunaan air oleh pusat data adalah terkawal.

Secara purata, jumlah penggunaan air bagi operasi pusat data di dalam kawasan Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah sebanyak 0.47 juta liter harian atau MLD, *million liter per day* iaitu hanya 0.12 peratus daripada penggunaan keseluruhan air domestik dan air bukan domestik di kawasan tersebut yang berjumlah 3,879 juta liter harian. Manakala di Johor pula, penggunaan air oleh pusat data mencatat jumlah 9.07 juta liter harian iaitu 0.6 peratus daripada penggunaan keseluruhan air domestik dan bukan domestik negeri Johor yang berjumlah 1,511 juta liter harian. Terima kasih, Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Soalan tambahan Yang Berhormat.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.